



*Kementerian Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Masyarakat*



Jabatan  
**KEBAJIKAN**  
Masyarakat



**KENYATAAN MEDIA  
YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**“KES BULI DI KALANGAN KANAK-KANAK”**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memandang serius tentang kejadian buli di kalangan kanak-kanak yang mendapat liputan meluas di media sosial masa kini. Kementerian ingin menyeru masyarakat supaya sama-sama berganding bahu untuk menangani masalah buli di kalangan kanak-kanak. Ibu bapa mempunyai peranan yang besar dalam memastikan anak-anak selamat dan tidak menjadi pelaku kepada perbuatan buli.

Kementerian turut memainkan peranan penting dalam memastikan golongan kanak-kanak tidak terjebak dengan masalah ini. Kementerian melalui agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa menjalankan program-program pencegahan bersama agensi-agensinya yang berkaitan. Jabatan Kebajikan Masyarakat menggunakan platform yang sedia ada di peringkat akar umbi seperti Jawatankuasa Kebajikan Kanak-Kanak di Daerah dan Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak Daerah yang terdiri dari pemimpin tempatan dan aktivis masyarakat bersama agensi berkaitan seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kesihatan Daerah, Agensi Anti Dadah Kebangsaan Daerah dan lain lain agensi berkaitan.

Kerjasama yang sedia terjalin ini telah memungkinkan program-program pencegahan dapat dilaksanakan seperti kempen keselamatan kanak-kanak di peringkat daerah/setempat, ceramah keibubapaan kepada ibubapa di kawasan yang berisiko tinggi, program kaunseling dan rujukan sosial setempat. Program-program yang dijalankan ini diharapkan dapat membantu masyarakat terutama kawasan berisiko

mendapat pendedahan tentang cara mengatasi kejadian seumpama ini sekiranya berlaku di dalam komuniti masing-masing.

Jabatan Kebajikan Masyarakat juga akan memberi perkhidmatan kepada mangsa buli dan keluarga mangsa buli dalam bentuk khidmat sokongan. Perkhidmatan ini bergantung kepada keperluan mangsa dan keluarga seperti perkhidmatan khidmat nasihat dan kaunseling, bantuan kewangan sekiranya keluarga tidak berkemampuan untuk menjaga anak masing-masing dan sebagainya.

Kementerian ingin menarik perhatian semua pihak untuk lebih prihatin dalam menangani isu buli. Sekiranya orang ramai mengetahui kejadian buli berlaku di tempat masing-masing, segeralah untuk melaporkan kepada pihak berkuasa untuk tindakan sewajarnya. Dalam hal ini Kementerian, menyediakan Talian Nur 15999 yang beroperasi 24 jam 7 hari seminggu.

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM**